

# PEMANTAPAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH (MS1900:2014) DI KOLEJ KOMUNITI GERIK

## *ENHANCING THE IMPLEMENTATION OF THE SHARIAH-BASED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (MS 1900:2014): A CASE STUDY AT KOLEJ KOMUNITI GERIK*

Nurul Hafidzoh Binti Mohd Hussin<sup>1\*</sup>,  
Hashim Bin Mat Zin<sup>2</sup>,  
Khairil Azhar Bin Mohd Nor<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Gerik, Perak (E-mail: [nurul.hafidzoh@kkgri.edu.my](mailto:nurul.hafidzoh@kkgri.edu.my))

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Perak (E-mail: [hashim@kkgri.edu.my](mailto:hashim@kkgri.edu.my))

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Gerik, Perak (E-mail: [pgrhkkgerik@mohe.gov.my](mailto:pgrhkkgerik@mohe.gov.my))

\*Corresponding author: [nurul.hafidzoh@kkgri.edu.my](mailto:nurul.hafidzoh@kkgri.edu.my)

### Article history

Received date : 21-8-2025

Revised date : 22-8-2025

Accepted date : 23-9-2025

Published date : 15-10-2025

### To cite this document:

Mohd Hussin, N. H., Mat Zin, H., & Mohd Nor, K. A. (2025). Pemantapan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti berasaskan Syariah (MS1900:2014) di Kolej Komuniti Gerik. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 1259 - 1269.

**Abstrak:** Kajian ini adalah kajian pustakawanan bertujuan untuk menganalisis dan menilai pemantapan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (MS1900:2014) di Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGK) Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti isu-isu kritikal yang timbul pada sepanjang pelaksanaan sistem ini serta menilai kesan positifnya terhadap institusi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen warga Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGK). Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat cabaran, pelaksanaan sistem ini telah membawa peningkatan ketara dalam kefahaman dan patuhan warga kolej terhadap prinsip-prinsip Syariah dalam pengurusan dan operasi harian. Penambahbaikan berterusan diperlukan bagi memastikan sistem ini lebih berkesan dan memberi manfaat jangka panjang kepada institusi.

**Kata Kunci:** Sistem Pengurusan Kualiti, Berasaskan Syariah MS1900:2014

**Abstract:** This study is a qualitative review aimed at analyzing and evaluating the enhancement of the implementation of the Shariah-Based Quality Management System (MS1900:2014) at Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGK) The main focus is to identify critical issues encountered during the implementation phase and to assess the positive impacts of the system on the institution. The study employs document analysis and observations involving staff and students. Findings indicate that despite challenges, the system has improved understanding and compliance with Shariah principles in daily management. Continuous improvements are needed to ensure long-term effectiveness.

**Keywords:** *Shariah-Based Quality Management, MS1900:2014, Kolej Komuniti, Compliance, Institutional Development*

## Pengenalan

Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (MS1900:2014) diperkenalkan bagi memastikan institusi mematuhi prinsip-prinsip Islam dalam semua aspek pentadbiran dan operasi. Pelaksanaannya di Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGP) bertujuan untuk memperkukuh amalan pengurusan yang selaras dengan kehendak Syariah, namun terdapat beberapa isu kritikal yang perlu diberikan perhatian.

Kajian ini menganalisis isu-isu kritikal seperti kesedaran berzakat, solat berjemaah, denda buku perpustakaan, penerapan nilai murni dalam PdP, penggunaan logo halal JAKIM, dan buta Al-Quran dalam kalangan staf serta pelajar. Dengan memahami isu-isu ini, institusi dapat memperbaiki pelaksanaan sistem dan meningkatkan pematuhan terhadap keperluan Syariah (Othman, 2018; Abdullah, 2020).

## Kajian Literatur

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan menilai pemantapan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (MS1900:2014) di Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGP) dengan fokus utama kepada isu-isu kritikal yang timbul pada tahun 2021 sehingga tahun 2023 serta kesan positif yang dihasilkan. Sistem ini diperkenalkan untuk memastikan pematuhan kepada prinsip-prinsip Islam dalam semua aspek pentadbiran dan operasi institusi (Abdul Rahman, 2017).

Dalam pelaksanaan sistem pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (MS1900:2014), pihak pengurusan Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGP) menekankan enam konsep nilai teras “*WE CARE*”. Nilai tersebut adalah:

- i. *Wisdom* (Kebijaksanaan): Dalam membuat keputusan, warga Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGP) harus berfikir secara adil dan rasional untuk meningkatkan mutu perkhidmatan. Etika dan akhlak Islam merupakan bentuk kebijaksanaan dalam amalan yang diamalkan oleh semua warga Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGP) (Hashim, 2019).
- ii. *Empathy* (Empati): Warga Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGP) dapat merasakan perasaan yang sama dialami oleh masyarakat yang memerlukan pertolongan serta cuba membantu mencari jalan menyelesaikan masalah tersebut (Nordin, 2021).
- iii. *Caring* (Prihatin): Warga Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGP) sentiasa peka terhadap keperluan pelanggan dan membuat penambahbaikan berterusan bagi meningkatkan kepuasan pelanggan (Abdullah & Ismail, 2018).
- iv. *Accountability* (Akauntabiliti): Warga Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGP) melaksanakan tugas yang diberikan serta memastikan matlamat dan objektif tercapai. Mereka juga menitikberatkan aspek kepatuhan masa dan jadual kerja (Salleh, 2020).
- v. *Respect* (Hormat-Menghormati): Warga Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGP) mengamalkan sikap hormat menghormati antara staf dan pelanggan untuk melahirkan suasana yang harmoni. Budaya memberi salam digalakkan dan diamalkan oleh semua warga kolej (Ahmad, 2019).
- vi. *Efficient* (Efisien): Warga Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGP) melaksanakan tugas secara sistematik sehingga memberi impak positif kepada komuniti dan negara. Mereka berusaha menjadi lebih efisien dalam pelaksanaan tugas (Rahim, 2022).

Melalui pengamalan nilai teras “*WE CARE*” ini, Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGP) memastikan warga kolej memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang berkualiti dalam konteks yang menghormati prinsip-prinsip Islam.

Beberapa kajian lampau menunjukkan bahawa pengamalan nilai teras seperti ini dapat meningkatkan budaya kerja cemerlang, memperkukuh keberkesanan sistem kualiti, dan membentuk organisasi yang lebih berintegriti (Yusof, 2018; Hamzah, 2020). Selain itu, nilai-nilai teras ini sejajar dengan prinsip ihsan dalam kerangka Malaysia Madani yang menekankan aspek kemajuan berpaksikan nilai Islam (Ibrahim, 2021).

Malaysia merupakan antara negara pertama yang memperkenalkan sistem pengurusan kualiti berlandaskan prinsip Islam melalui MS 1900:2005, iaitu piawaian Sistem Pengurusan Kualiti berasaskan Syariah yang pertama di dunia. Standard ini dibangunkan oleh SIRIM Berhad dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Standard Malaysia (JSM). Ia bertujuan untuk mengintegrasikan prinsip sistem pengurusan kualiti antarabangsa, khususnya ISO 9001, dengan nilai-nilai Islam seperti amanah, adil, halal, ihsan, dan integriti (Jabatan Standard Malaysia, 2018).

Pelaksanaan MS1900 memberi penekanan bukan sahaja kepada kecekapan operasi dan kepuasan pelanggan, tetapi turut menuntut pematuhan kepada prinsip-prinsip Syariah dalam setiap aspek tadbir urus organisasi. Antara elemen penting yang ditekankan ialah pengurusan masa, pematuhan halal, etika kerja Islam, adab pergaulan, serta penyediaan kemudahan ibadah yang sesuai (Abdul Rahman, 2017).

Sejak diperkenalkan, MS1900 telah diadaptasi secara meluas dalam pelbagai sektor termasuk pentadbiran awam, pendidikan tinggi, penjagaan kesihatan, korporat, perbankan Islam, pembuatan, dan industri perkhidmatan (Salleh, 2018). Walau bagaimanapun, pelaksanaannya dalam sektor pendidikan teknikal dan vokasional masih di peringkat awal, dan hanya segelintir institusi yang menggunapakai piawaian ini secara menyeluruh.

Beberapa kajian terdahulu telah meneliti pelaksanaan MS1900 dalam konteks organisasi dan institusi tertentu. Musaiyadah Ahmadun (2019) meneliti pelaksanaan MS 1900 dalam institusi pengajian tinggi awam, manakala Muhammad Firdaus Zakaria (2018) mengkaji peranannya dalam organisasi pentadbiran awam. Afiq, Nazmi dan Boon Cheong (2016) menilai aspek keberkesanan piawaian ini dalam sektor perkhidmatan, sementara Hasliza Mohamad Ali (2015) serta Hassan Al-Banna Mohamad (2015) membincangkan cabaran dalam sektor hospitaliti dan pengajian Islam. Selain itu, Siti Arni Basir (2013) turut memberi tumpuan kepada pelaksanaan MS 1900 dalam institusi zakat.

Selain pengkaji tersebut, terdapat juga kajian yang meneliti dimensi lebih luas. Umar et al. (2022) meneliti pencapaian objektif pendidikan program (PEO) di kolej komuniti dari perspektif pembangunan modal insan. Zulkifli et al. (2021) pula menegaskan kepentingan penglibatan surau dan masjid dalam pembangunan rohani pelajar. Sementara itu, Abdullah (2020) menekankan bahawa pelaksanaan MS1900 dalam institusi pendidikan tinggi masih berdepan cabaran dari segi kesedaran dan pematuhan staf.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan MS1900 mampu meningkatkan tahap pematuhan syariah, mengukuhkan kepercayaan pelanggan, serta memperbaiki budaya kerja berasaskan nilai Islam. Namun begitu, kajian terdahulu masih terhad dalam konteks pendidikan

teknikal dan vokasional. Walaupun lebih daripada 38 organisasi telah memperoleh pensijilan MS1900, belum ada kajian mendalam yang meneliti keberkesanannya di Kolej Komuniti, khususnya yang menawarkan latihan kemahiran kepada masyarakat setempat.

Jurang kajian ini menegaskan keperluan penyelidikan terhadap pelaksanaan MS1900 dalam konteks kolej komuniti. Hal ini penting kerana kolej komuniti berfungsi bukan sahaja sebagai pusat latihan kemahiran, tetapi juga sebagai medium pembangunan modal insan berteraskan nilai Islam. Justeru, kajian ini berupaya memberi sumbangan baharu kepada literatur sedia ada dengan menilai bagaimana MS1900 diaplikasikan dalam persekitaran pendidikan teknikal berasaskan syariah.

Kolej Komuniti Gerik (KKGK) mula melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS1900 sejak tahun 2011, dan sehingga kini menjadi satu-satunya kolej komuniti daripada 102 kolej komuniti di Malaysia yang menggunakan piawaian ini. Keputusan tersebut membuktikan komitmen KKGK untuk menegakkan prinsip-prinsip Islam dalam pengurusan organisasi serta pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Pelaksanaan MS 1900 di KKGK menekankan pengamalan nilai teras “*WE CARE*” yang merangkumi *Wisdom, Empathy, Caring, Accountability, Respect*, dan *Efficient*. Nilai ini bukan sahaja membimbing staf dalam aspek pentadbiran, tetapi juga diterapkan dalam aktiviti pelajar dan kursus pendek komuniti. Hal ini selari dengan prinsip Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) yang menekankan kepentingan pelanggan, penglibatan kumpulan kerja, penambahbaikan berterusan, serta budaya kerja berkualiti (Roslina Ab. Wahid, 2012).

Antara aspek yang diberi perhatian dalam pelaksanaan MS1900 di KKGK termasuk:

- Ketepatan masa – menekankan disiplin dan kepatuhan jadual dalam kalangan staf dan pelajar.
- Pematuhan halal – memastikan semua pembekal makanan dan minuman mempunyai sijil halal JAKIM atau pihak berautoriti.
- Pengimarahkan ibadah – menyediakan kemudahan surau serta menggalakkan solat berjemaah.
- Etika pergaulan – membentuk adab pergaulan antara pelajar lelaki dan perempuan selaras tuntutan Islam.
- Program keagamaan – pelaksanaan kuliah syariah, bacaan al-Quran, serta bimbingan literasi Quran bagi staf dan pelajar.

Namun begitu, KKGK juga berdepan dengan beberapa isu kritikal sepanjang pelaksanaan, antaranya kesedaran zakat, buta al-Quran dalam kalangan staf dan pelajar, serta aspek kebersihan kafeteria. Isu-isu ini menjadi cabaran yang perlu ditangani secara berterusan agar MS1900 dapat mencapai matlamat sebenar iaitu menghasilkan persekitaran pembelajaran dan pengurusan yang berlandaskan Syariah sepenuhnya.

Secara keseluruhan, latar belakang dan pengalaman KKGK ini menonjolkan keunikan kolej komuniti dalam melaksanakan MS1900 berbanding institusi lain. Ia sekaligus memperkukuh kepentingan kajian ini sebagai usaha menambah nilai kepada literatur sedia ada serta mengisi jurang yang belum diterokai oleh penyelidik terdahulu.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan pemerhatian terhadap pihak pengurusan, tenaga pengajar, serta pelajar di Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGP). Data dikumpulkan melalui kajian dokumen berkaitan MS1900:2014 serta pengumpulan dokumen dari pelbagai unit sokongan seperti kewangan, perpustakaan, kafeteria, dan koperasi untuk mendapatkan pandangan mengenai pelaksanaan dan cabaran sistem ini.

Hasil kajian ini membolehkan institusi mengenal pasti kelemahan serta merangka langkah penambahbaikan bagi memastikan pematuhan terhadap prinsip Syariah lebih mantap. Limitasi kajian hanya memfokuskan kepada isu kritikal yang terdiri daripada tiga nilai teras iaitu *Accountability*, *Wisdom* dan *Responsibility*. Kajian juga memberi tumpuan kepada pihak pengurusan dan tenaga pengajar terlebih dahulu sebagai asas pengukuhan, sebelum diperluaskan kepada pelajar.

Dalam kajian ini, analisis tematik digunakan sebagai kaedah utama untuk menganalisis data. Analisis tematik dipilih kerana ia sesuai untuk mengenal pasti pola, makna dan tema daripada data kualitatif yang diperoleh melalui dokumen dan pemerhatian.


Proses analisis dijalankan melalui beberapa peringkat:

1. Pengenalan Data: Semua dokumen dan catatan pemerhatian dibaca berulang kali untuk memahami konteks serta maklumat yang terkandung.
2. Penjanaan Kod Awal: Kod awal dikenal pasti berdasarkan kata kunci atau isu yang sering berulang, khususnya berkaitan dengan tiga nilai teras MS1900:2014 (*Accountability*, *Wisdom*, *Responsibility*).
3. Mencari Tema: Kod-kod awal dikelompokkan untuk membentuk tema utama. Sebagai contoh, isu pengurusan kewangan dan rekod pelaporan dikelompokkan di bawah tema *Accountability*.
4. Semakan Tema: Tema yang dikenal pasti diteliti semula bagi memastikan kesahihan dan konsistensinya dengan data asal.
5. Pementasan Tema: Tema yang sahih dimurnikan dan ditakrifkan semula supaya jelas, konsisten, dan mencerminkan dapatan sebenar.
6. Pelaporan Dapatan: Tema-tema akhir dibentangkan dalam bentuk huraian dengan disokong oleh contoh daripada dokumen atau hasil pemerhatian.

Kaedah ini membolehkan penyelidik menghubungkan dapatan kajian dengan kerangka nilai MS1900:2014 serta memastikan interpretasi yang dibuat berlandaskan bukti yang diperoleh daripada data.

## Hasil Kajian

Berdasarkan laporan pegawai syariah mengenai aspek penghayatan nilai teras “*WE CARE*”, beberapa isu kritikal syariah serta aktiviti pemantapan syariah yang dijalankan di Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGP) bagi tahun 2021 hingga 2023 telah dikenal pasti. Hasil analisis tematik menunjukkan bahawa isu-isu ini dapat dikategorikan mengikut tiga nilai teras utama, iaitu *Accountability*, *Wisdom* dan *Responsibility*.



**Rajah 1: Perbandingan Isu Kritikal Syariah Di KKGP (2021-2023)**

### 1. Accountability (Akauntabiliti)

- a. Kesedaran Berzakat: Kesedaran berzakat dalam kalangan warga KKGP menunjukkan perkembangan positif. Pada tahun 2023, keseluruhan staf telah menunaikan zakat melalui potongan gaji dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK). Perkembangan ini sejajar dengan dapatan Ahmad et al. (2020) yang mendapati bahawa kempen kesedaran serta kemudahan potongan gaji mampu meningkatkan kepatuhan terhadap kewajipan zakat.
- b. Pengurusan Denda Pinjaman Buku: Pada tahun 2023, KKGP telah melaksanakan penggunaan akad ijarah (sewaan) dalam sistem denda pinjaman buku perpustakaan. Pelaksanaan ini memastikan transaksi selaras dengan syariah. Pendekatan ini menyokong dapatan Rahman (2019) yang menekankan kepentingan penerapan konsep muamalat Islam dalam perkhidmatan institusi pendidikan bagi menjamin pematuhan syariah dalam setiap urusan kewangan

### 2. Wisdom (Kebijaksanaan)

- a. Penerapan Nilai Murni dalam PdP: Pelaksanaan kuliah 10 minit secara talian terus diamalkan sebagai salah satu kaedah penerapan nilai murni dalam PdP di KKGP. Pendekatan ini bukan sahaja membentuk sahsiah pelajar, malah meningkatkan pemahaman mereka terhadap konsep Islam secara holistik. Hal ini sejajar dengan dapatan Zulkifli et al. (2021) yang menegaskan bahawa pendidikan berteraskan nilai mampu membentuk jati diri dan kefahaman pelajar secara menyeluruh.
- b. Literasi Al-Quran (Buta Al-Quran dalam kalangan Staf dan Pelajar): Isu buta Al-Quran dikenal pasti dalam kalangan sebahagian staf dan pelajar. Sebagai langkah intervensi, cadangan pelaksanaan penilaian awal berbentuk “*streaming*” semasa program orientasi pelajar baharu

terus diteruskan. Kaedah ini berupaya mengesan tahap penguasaan Al-Quran sejak awal. Abdullah et al. (2018) membuktikan bahawa strategi penilaian awal seperti ini amat berkesan dalam memberikan intervensi pembelajaran yang sesuai bagi meningkatkan literasi Al-Quran.

### 3. Responsibility (Tanggungjawab)

a. Pengimarah Surau: Usaha berterusan pihak pengurusan dalam menggalakkan solat berjemaah khususnya Zuhur dan Asar telah membuahkan hasil apabila majoriti warga KKGP kini aktif mengimarahkan surau. Kajian Hassan & Yusof (2021) turut menunjukkan bahawa penyertaan solat berjemaah mampu memperkukuh hubungan spiritual di samping mengeratkan ukhuwah Islamiah dalam komuniti.

b. Pemantapan Aspek Halal di Kafeteria: Penggunaan logo halal JAKIM di kafeteria KKGP telah dilaksanakan dengan baik. Walau bagaimanapun, aspek kebersihan masih menjadi isu yang perlu ditambah baik. Antara cadangan ialah semua kafe mendapatkan “grading” daripada Pejabat Kesihatan Gerik bagi memastikan kebersihan lebih terjamin. Dapatan ini selari dengan kajian Jamaluddin et al. (2020) yang mendapati pemantauan berkala serta pensijilan halal ketat meningkatkan keyakinan pengguna terhadap makanan yang disediakan.

Secara keseluruhannya, penghayatan nilai teras MS1900:2014 dalam kalangan warga KKGP menunjukkan perkembangan positif dari tahun 2021 hingga 2023. Perkembangan ini dapat dilihat melalui peningkatan kepatuhan berzakat, pengimarahkan surau, penerapan nilai murni dalam PdP, pelaksanaan sistem muamalat patuh syariah, pemantapan halal serta usaha mengatasi isu buta Al-Quran. Walau bagaimanapun, masih terdapat aspek yang perlu diberi perhatian seperti kebersihan premis makanan dan literasi Al-Quran dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kesinambungan usaha dan pemantauan berterusan amat penting untuk memperkukuh pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah di KKGP

### Perbincangan

Berdasarkan hasil analisis, amalan berzakat dalam kalangan warga KKGP menunjukkan peningkatan pada tahun 2023, selaras dengan pertambahan bilangan staf. Namun, penurunan yang berlaku pada tahun 2022 berpunca daripada pertukaran salah seorang staf ke tempat lain. Walaubagaimanapun, hasil temu bual dengan warga yang tidak membuat potongan zakat melalui MAIPk mendapati bahawa mereka tetap menunaikan kewajipan zakat secara persendirian. Dalam usaha menggalakkan lebih ramai warga KKGP menyertai potongan zakat bersama MAIPk, pihak KKGP melalui Unit Syariah telah memohon agar hasil kutipan zakat dipulangkan kepada pelajar asnaf. Ini susulan laporan warden yang mendapati ramai pelajar hanya bergantung kepada mi segera yang dijual di koperasi kolej untuk menampung keperluan harian. Oleh itu, program "Uniknya Syariat Zakat" diperkenalkan untuk menyalurkan hasil potongan zakat warga KKGP dalam bentuk kupon makanan kepada pelajar asnaf, bagi membantu mereka bertahan sebelum menerima elaun daripada KPT. Kajian yang dilakukan oleh Saad & Haniffa (2019) serta Abu Bakar et al. (2020) menyokong bahawa sistem pengagihan zakat yang teratur, khususnya dalam bentuk baucar makanan, dapat meningkatkan kesejahteraan pelajar asnaf serta menjamin kebajikan mereka.

Bagi isu solat Zuhur dan Asar secara berjemaah, hasil analisis menunjukkan peningkatan ketara dalam penglibatan warga KKGP. Kesedaran yang semakin tinggi terhadap kepentingan solat berjemaah didorong oleh beberapa inisiatif, antaranya kuliah syariah yang dilaksanakan setiap hari Jumaat serta jadual giliran solat berjemaah bagi setiap kelas. Langkah ini diambil

berdasarkan maklum balas warden asrama yang menyatakan bahawa sebelum ini, pelajar enggan turun ke surau asrama untuk solat berjemaah dengan alasan kekurangan peralatan. Kajian oleh Zulkifli et al. (2021) dan Rahman & Abdullah (2022) membuktikan bahawa penyediaan kemudahan solat yang mencukupi serta program keagamaan yang berterusan mampu meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti keagamaan secara berjemaah.

Dalam aspek pemulangan buku perpustakaan, kajian mendapati kadar denda akibat kelewatan semakin berkurangan, menandakan peningkatan kesedaran pelajar terhadap tanggungjawab mereka. Sebagai sebahagian daripada prinsip "*WE CARE*" – *Accountability*, pendekatan akad ijarah diperkenalkan sebagai alternatif yang lebih adil dan patuh syariah. Melalui konsep ini, tempoh bayaran sewaan buku hanya bermula selepas tamat tempoh pinjaman, sekaligus mengurangkan beban kewangan ke atas pelajar. Kajian oleh Ismail & Musa (2020) menyokong penggunaan akad ijarah sebagai mekanisme yang lebih fleksibel dan adil, yang bukan sahaja mengurangkan beban kewangan pengguna tetapi juga meningkatkan kepatuhan terhadap peraturan pemulangan buku.

Dalam usaha memperkukuh penerapan nilai murni dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP), KKGP telah mengadaptasi pendekatan yang lebih pelbagai pada tahun 2023. Antaranya, mengadakan sesi tazkirah atau penyampaian nilai murni sebelum sesi pembelajaran kini dilaksanakan secara bersemuka dan atas talian. Sebagai langkah penambahbaikan, setiap pensyarah akan dibekalkan dengan bahan interaktif berkaitan nilai murni supaya penyampaian lebih menarik dan berkesan. Kajian yang dilakukan oleh Mahmud et al. (2018) dan Mohamed et al. (2021) menunjukkan bahawa integrasi nilai Islam dalam PdP bukan sahaja membantu membentuk sahsiah pelajar, malah turut meningkatkan disiplin serta pemahaman mereka dalam menghubungkan ilmu akademik dengan kehidupan seharian.

Dari segi pemakaian logo halal JAKIM, kesedaran warga KKGP terhadap kepentingan memilih bahan mentah yang halal dan tidak syubhah semakin meningkat. Hasil temu bual dengan pihak kafeteria mendapati bahawa mereka kini lebih teliti dalam memastikan bahan mentah yang digunakan mempunyai sijil halal yang sah, sama ada dari dalam atau luar negara. Selain itu, pembekal bahan mentah turut dipilih berdasarkan pematuan mereka terhadap sijil sembelihan JAIPk, hasil cadangan Unit Syariah. Kajian yang dilakukan oleh Jamaluddin et al. (2020) dan Shariff et al. (2022) mengesahkan bahawa pematuan kepada piawaian halal yang ketat bukan sahaja meningkatkan keyakinan pengguna, tetapi juga menjamin kebersihan dan keselamatan makanan yang disediakan.

Dalam aspek penguasaan bacaan Al-Quran, hasil analisis mendapati peningkatan dalam jumlah pelajar dan staf yang masih belum lancar membaca Al-Quran pada tahun 2023. Sebagai tindak balas, Unit Syariah telah mengambil inisiatif membentuk kumpulan bacaan Iqra khusus untuk pelajar dan staf yang ingin memperbaiki bacaan mereka. Selain itu, bengkel kaedah bacaan Iqra turut dianjurkan, manakala pelajar yang sudah mahir dalam bacaan Al-Quran dilantik sebagai mentor bagi membantu rakan-rakan mereka. Kajian oleh Abdullah et al. (2018) dan Hassan & Sulaiman (2020) mendapati bahawa pendekatan mentor-mentee dalam pembelajaran Al-Quran lebih berkesan, kerana ia membolehkan pelajar belajar secara bertahap dalam persekitaran yang lebih selesa dan interaktif.

Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa usaha KKGP dalam menghayati dan mengaplikasikan nilai teras "*WE CARE*" telah membuahkan hasil yang positif dalam pelbagai aspek. Kajian-kajian terdahulu turut menyokong bahawa pendekatan yang dilaksanakan,

termasuk sistem zakat dalam bentuk kupon makanan, pengimarah solat berjemaah, penggunaan akad ijarah dalam peminjaman buku, integrasi nilai Islam dalam PdP, pematuhan ketat terhadap logo halal, serta inisiatif bimbingan bacaan Al-Quran, semuanya selari dengan kaedah terbaik dalam meningkatkan kesedaran serta amalan Islam dalam kalangan warga kolej. Usaha ini bukan sahaja memperkukuh amalan berteraskan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar dan staf, tetapi juga mewujudkan persekitaran kolej yang lebih harmoni, bertanggungjawab, dan berkualiti tinggi dari segi sahsiah dan keagamaan.

### Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa walaupun terdapat isu kritikal dalam pelaksanaan MS1900:2014 di Kolej Komuniti Gerik, pemantapan sistem ini telah membawa kepada peningkatan kefahaman dan pematuhan warga kolej terhadap prinsip Syariah. Pihak pengurusan perlu terus memperkukuh usaha dalam meningkatkan kesedaran dan pematuhan melalui latihan, pemantauan yang lebih ketat serta sistem komunikasi yang lebih efektif. Dengan langkah-langkah penambahbaikan yang berterusan, institusi dapat memastikan keberkesanan sistem ini dalam jangka masa panjang. Pengkaji mencadangkan kajian dimasa hadapan melihat beberapa teras "*WE CARE*" yang lain supaya mendapat perspektif yang lebih jelas dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (MS1900:2014). selain itu kajian juga boleh melihat perkaitan diantara nilai teras "*WE CARE*" dengan tingkah laku warga Kolej Komuniti Gerik, Perak (KKGP). Diharapkan kajian ini dapat memberi pendedahan kepada setiap institusi dan organisasi lain tentang kepentingan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (MS1900:2014)

## Rujukan

- Abdullah, M. (2020). *Pelaksanaan MS1900:2014 dalam Institusi Pendidikan Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, M., Ismail, N., & Rahman, H. (2018). The effectiveness of mentor-mentee approach in improving Quranic literacy among students. *Journal of Islamic Education*, 25(3), 45–60.
- Abdullah, N., & Ismail, R. (2018). Amalan kualiti berasaskan Syariah dalam meningkatkan kepuasan pelanggan. *Jurnal Pengurusan Islam*, 12(1), 45–59.
- Abu Bakar, M., Salleh, N., & Yusuf, R. (2020). Impact of zakat distribution on student welfare: A case study in higher learning institutions. *International Journal of Islamic Finance and Social Studies*, 12(2), 78–92.
- Ahmad, S. (2019). Budaya kerja harmoni dalam organisasi Islam. *Jurnal Integriti*, 8(1), 71–84.
- Afiq, M., Nazmi, N., & Boon Cheong, C. (2016). The effectiveness of Shariah-based quality management in service sector. *International Journal of Islamic Management Studies*, 4(2), 55–70.
- Al-Qaradawi, Y. (1999). *Fiqh al-Zakat: A comparative study*. Dar Al-Taqwa.
- Arifin, S., Ahmad, A., Hashim, Y., Latif, N., Jaiyeoba, H., Samsudin, N., ... & Said, N. (2021). Positioning *halalan toyyiban* in halal food system: Production, processing, consumption, marketing, logistic and waste management. *Halalsphere*, 1(2), 17–40.
- Azahar, N., Muhammad, N., & Rahim, N. (2023). Formulation of halalan toyyiban radish effervescent tablet. *International Food Research Journal*, 30(3), 640–648.
- Azhar, R., Sulaiman, N., & Harun, H. (2022). Awareness programs and their impact on students' participation in congregational prayers. *Journal of Religious Education*, 10(3), 112–130.
- Hamzah, A. (2020). Keberkesanan nilai teras dalam pengurusan kualiti. *International Journal of Islamic Management*, 15(2), 99–112.
- Hashim, R. (2019). *Kebijaksanaan dalam membuat keputusan berasaskan Syariah*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Hapsari, D., Kusumaningrum, I., Aminah, S., & Puspitasari, S. (2019). Studi kasus pengaruh logo halal dan kesadaran halal terhadap keputusan pembelian bakso sapi di Ciawi - Bogor. *Jurnal Agroindustri Halal*, 5(2), 196–203.
- Hassan, S., & Sulaiman, A. (2020). Enhancing Al-Quran literacy through interactive learning: A pedagogical analysis. *Journal of Quranic Studies*, 15(1), 34–50.
- Hassan Al-Banna, M. (2015). Cabaran pelaksanaan MS 1900 dalam pengajian tinggi Islam. *Jurnal Pengurusan Islam Kontemporari*, 10(1), 88–103.
- Hasliza, M. A. (2015). Pelaksanaan MS 1900 dalam sektor hospitaliti: Cabaran dan peluang. *Journal of Halal and Quality Management*, 3(1), 22–34.
- Husna, A., Hashim, K., & Affendi, A. (2023). Analisis undang-undang dalam membasmi isu halal. *Journal of Management and Muamalah*, 13(1), 56–68.
- Ibrahim, F. (2021). *Konsep Ihsan dalam Malaysia Madani*. Putrajaya: Institut Darul Ehsan.
- Ismail, R., & Musa, A. (2020). Ijarah-based model in reducing library late return penalties: A Shariah-compliant approach. *Journal of Islamic Economics and Finance*, 11(4), 112–130.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2020). *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020*. Putrajaya: JAKIM.
- Jabatan Standard Malaysia. (2018). *Standard Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah MS 1900:2014*. Putrajaya: Jabatan Standard Malaysia.
- Jamaluddin, A., Ahmad, R., & Zulkifli, S. (2020). The implementation of halal certification in university cafeterias: Compliance and challenges. *Halal Journal of Malaysia*, 8(1), 55–70.

- Mahmud, M., Karim, R., & Zainuddin, N. (2018). The role of Islamic moral values in teaching and learning: A case study in Malaysian higher education institutions. *Journal of Moral and Religious Studies*, 19(3), 120–135.
- Mansur, A., Baharuddin, Z., & Jamil, H. (2021). Pengetahuan dan kesedaran menunaikan zakat: Tinjauan awal di kalangan suku kaum Bajau-Sama di Pantai Barat Sabah. *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*, 2(1), 34–45.
- Mohamed, F., Rahim, N., & Latif, H. (2021). Islamic values integration in teaching and learning: Effectiveness and challenges. *Asian Journal of Islamic Education*, 6(2), 98–115.
- Muhammad Firdaus, Z. (2018). Shariah-based quality management in public administration: A Malaysian case. *Journal of Islamic Governance*, 6(2), 41–56.
- Musaiyadah, A. (2019). Implementation of MS 1900 in higher education institutions: Issues and challenges. *Journal of Islamic Quality Studies*, 11(3), 115–129.
- Nordin, M. (2021). Empati dalam pengurusan Islam: Analisis teori dan praktikal. *Jurnal Dakwah & Kepimpinan*, 6(2), 55–70.
- Nurainum, N. (2023). Studi kritis legislasi hukum zakat dan perwakafan. *Jurnal Ar-Risalah: Jurnal Hukum Keluarga Islam*, 3(2), 30–39.
- Rahman, N., & Abdullah, S. (2022). Enhancing congregational prayer participation through structured religious programs: A case study in higher learning institutions. *Journal of Islamic Practices*, 14(1), 88–103.
- Rahim, A. (2022). Efisiensi dalam pentadbiran berasaskan nilai Islam. *Journal of Islamic Administration*, 7(1), 14–29.
- Roslina, A. W. (2012). *Pengurusan Kualiti Menyeluruh dalam organisasi Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saad, R., & Haniffa, R. (2019). Zakat distribution and its impact on students' financial well-being: A review from Malaysian universities. *Islamic Philanthropy Journal*, 7(2), 67–80.
- Salleh, H. (2020). Akauntabiliti dalam organisasi Islam. *Jurnal Etika & Tadbir Urus*, 4(1), 39–54.
- Salleh, M. S. (2018). Shariah governance in Islamic institutions: Issues and challenges. *Islamic Banking and Finance Journal*, 5(2), 45–60.
- Shariff, S., Ismail, H., & Zakaria, N. (2022). Halal food certification and consumer trust: A study among university students in Malaysia. *International Journal of Halal Studies*, 9(3), 135–150.
- Siti Arni, B. (2013). Sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah dalam institusi zakat. *Jurnal Ekonomi Islam Malaysia*, 8(2), 99–112.
- Umar, K., Kasiran, K., & Matore, M. (2022). Penilaian pencapaian objektif pendidikan program (PEO) graduan kolej komuniti sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(9), e001736.
- WE CARE. (2010). *Manual Kualiti Kolej Komuniti Gerik*. Kolej Komuniti Gerik.
- Yusof, M. (2018). Budaya kerja cemerlang melalui nilai Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Zakaria, N., Ahmad, F., & Saad, N. M. (2019). Fuzzy expert systems (FES) for halal food additive. *Indonesian Journal of Electrical Engineering and Computer Science*, 13(3), 1073–1078.
- Zulkifli, M., Halim, F., & Ahmad, N. (2021). Optimizing mosque and surau engagement for student religious development: The role of structured activities. *Journal of Islamic Studies and Community Development*, 13(4), 102–118.